

DARI KACA MATA

Abdul Muein Abadi
Pensyarah Program Sains
Politik Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM)



MUKA SEPULUH

Kabinet cadangan beliau bukan sahaja kekurangan kepelbagaian etnik, tetapi turut dipenuhi kepelbagaian ideologi yang bercanggah"

Trump sebenarnya sudah mengundang permasalahan buat AS apabila menyuarakan hasrat untuk bekerjasama dengan Russia sedang dalam masa yang sama 'berkeras' dengan China"

Trump juga perlu meneliti sedalam-dalamnya hasrat beliau untuk mengubah kedudukan kedutaan AS di Israel, iaitu dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis"

Trump berdepan tujuh realiti perhebat AS

Selepas mengangkat sumpah sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS) Ke-45, Donald Trump mula mengorak langkah agresif selari visi beliau 'Menjadikan Amerika Hebat Kembali'.

Hakikatnya, walau betapa hebat Trump cuba mengembalikan kegemilangan AS, terdapat tujuh 'drama realiti' yang perlu beliau lalui. Drama realiti ini jauh lebih mencabar berbanding rancangan realiti beliau, iaitu *The Apprentice* yang peraturan permainannya tidak sepenuhnya berada dalam kawalan beliau.

Realiti pertama ialah cabaran perbezaan pegangan dalam kalangan ahli kabinet yang beliau cadangkan. Boleh dikatakan majoriti ahli kabinet cadangan Trump adalah lelaki berkulit putih, dengan hanya empat wanita dan seorang berkulit hitam (Ben Carson). Kabinet cadangan beliau bukan sahaja kekurangan kepelbagaian etnik, tetapi turut dipenuhi kepelbagaian ideologi yang bercanggah antara satu sama lain.

Sebagai contoh, Setiausaha Pertahanan, James Mattis cukup kri-

tis dengan Russia dan pro-Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) sedangkan Setiausaha Negara yang dicalonkan Trump, iaitu Rex Tillerson pula diketahui memiliki hubungan baik dengan Moscow hasil pengalaman beliau selaku CEO ExxonMobil yang memiliki projek di Russia.

Realiti kedua ialah Trump perlu berhadapan dengan senario kuasa Kongres. Sebagai contoh, seorang anggota Jawatankuasa Risikan, Adam Schiff (Demokrat) ketika ditemubual stesen *ABC News* menjelaskan, sebarang usaha Trump untuk menarik balik sekatan ke atas Russia akan ditentang sehabisnya oleh Kongres.

Malah, sebaliknya beliau mengesakan agar tekanan lebih besar dikenakan ke atas Russia dan bukannya berbaik-baik dengan negara itu. Demikian juga Dave Brat, iaitu ahli Kongres dari Virginia yang juga lebih konservatif dan mungkin menentang sebarang usul Trump yang bercanggah dengan pegangan peribadi beliau meskipun dari parti sama, iaitu Republikan.

Realiti ketiga yang perlu Trump hadapi ialah langkah beliau me-

majukan misi 'Utamakan Amerika' bakal mencetuskan 'perang perdagangan' berskala besar merugikan AS sendiri. Trump pernah berjanji akan mengenakan 45 peratus tarif ke atas barangan China, manakala 35 peratus ke atas barangan Mexico, namun perlu diingat bukan AS sahaja yang boleh mengenakan tarif.

Seperti dinyatakan Catherine Rampell dari akhbar *The Washington Post* yang memetik laporan Moody, seramai tujuh juta warga Amerika bakal kehilangan pekerjaan sekiranya negara lain 'membalas' tindakan Trump dengan mengenakan tarif masing-masing yang menjadikan hasil eksport AS ke luar negara menjadi mahal.

China sedia bekerjasama

Keempat, Trump juga perlu menerima hakikat kuasa konstruktif China di pentas global. Trump sebenarnya sudah mengundang permasalahan buat AS apabila menyuarakan hasrat untuk bekerjasama dengan Russia sedang dalam masa yang sama 'berkeras' dengan China.

Menurut penganalisis, Fareed Zakaria, berbanding Russia, China sudah terbukti bersedia untuk bekerjasama dengan AS dalam pelbagai hal, termasuk dalam isu perubahan iklim, penyertaan pasukan tentera pengaman, bahkan berbelanja berbilion-bilion dolar untuk menjadikan renminbi sebagai rezab mata wang yang stabil.

Malah, meskipun memiliki kemampuan perisikan siber yang lebih besar berbanding Russia, Beijing tidak pernah melakukan serangan siber sehebat dilakukan oleh Russia di bawah Vladimir Putin.

Realiti kelima yang perlu diperhitungkan Trump ialah pendirian beliau yang anti-Kesatuan Eropah (EU). Trump terkenal dengan pendirian melihat EU sebagai pesaing kepada kepentingan AS dalam rundingan perdagangan antarabangsa. Ini termasuk dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Namun, tanpa kerangka perundangan bersama EU, keupayaan negara Eropah untuk me-

nanangani krisis pelarian Asia Barat akan terjejas.

Situasi ini bakal merenggangkan hubungan AS-EU apabila negara Eropah terpaksa berhadapan dengan krisis tambahan sedangkan Washington di bawah Trump tidak berhasrat untuk membantu.

Trump juga perlu meneliti sedalam-dalamnya hasrat beliau untuk mengubah kedudukan kedutaan AS di Israel, iaitu dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis. Beliau mungkin akan memperoleh sokongan kuat pemimpin Zionis menerusi langkah kontroversi ini, namun pada masa sama Trump bakal bertadapan dengan realiti keenam, iaitu risiko hubungan AS dan negara Arab.

Negara Arab seperti Arab Saudi, Kuwait, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Qatar dan negara Islam lain bukan sahaja rakan dagang AS yang cukup penting, tetapi juga pengimport persenjataan utama dari AS.

Walau betapa erat sekali pun hubungan AS dan Israel, jumlah nilai keseluruhan kepentingan Arab dan AS adalah cukup besar untuk diketepikan sebegitu sahaja oleh Trump.

Realiti ketujuh yang perlu Trump renungkan kembali ialah kepentingan hubungan AS dengan negara kecil seperti Malaysia dan Asia Tenggara. Pentadbiran Obama sebelum ini giat mengusahakan kerjasama AS-ASEAN. Sekiranya hasrat Trump mengundurkannya komitmen Washington diteruskan, maka mereka tiada pilihan lain melainkan mengubah paksi ke China dan Russia untuk melindungi kepentingan jangka panjang.

Program Gap Year melatih mahasiswa agar tidak perlu terburu-buru memamatkan pengajian dalam tempoh tiga tahun tetapi mengubah perunggu minda dengan memben lebih banyak masa memperluaskan diri menjadi graduan yang matang dan berpengalaman. Ikuti pandangan Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Felo Berserutu di Majlis Profesor Negara (MPN), **Mohd Izani Mohd Zin**, mengenai Gap Year, Isnin ini.

Sidang redaksi

Pengarang Urusan
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Datuk MahFar Ali
mafali@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Badrulhisham Othman
bano@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran Percetakan & Digital
Rosli Safar
rosli@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Berita/Rencana/Digital
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

Penulis Khas Ranan
Ekonomi & Ehaiwa Semasa
Saidon Idris
saidon@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M)
Bhd, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-226797 Faks: 03 20567081
Laman Web: www.bharian.com.my E-mel: bh@bh.com.my